

## TEMA 6: Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

### DSKP Tatabahasa

Buku Teks: m.s. 70 – 71

Lengkapkan petikan di bawah ini dengan menggunakan kata kerja yang sesuai. DSKP: SP5.1.4

- |                |              |               |                    |                |
|----------------|--------------|---------------|--------------------|----------------|
| • meningkatkan | • melihat    | • dibentuk    | • menghayati       | • dilaksanakan |
| • bergantung   | • menyimpang | • menjejaskan | • bertanggungjawab | • bermasalah   |
| • menyuntik    | • memerlukan | • merentasi   | • diambil          |                |

Sekolah merupakan institusi yang menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid. Penerapan nilai murni termasuklah menerusi pelbagai teknik seperti melalui silibus mata pelajaran tertentu, penerapan nilai

(1) \_\_\_\_\_ merentasi kurikulum, dan menerusi aktiviti kokurikulum seperti persatuan, kelab, dan badan-badan beruniform. Dalam pada itu, terdapat segelintir murid yang (2) \_\_\_\_\_ dari segi disiplin serta tidak (3) \_\_\_\_\_ budaya positif yang diajarkan, malahan mereka mewujudkan satu subbudaya yang tidak formal dan jauh (4) \_\_\_\_\_ daripada nilai-nilai murni termasuklah lepak dan ponteng sekolah.

Pembudayaan integriti dalam kalangan murid sekolah amat penting untuk meningkatkan nilai amanah, kejujuran, dan keikhlasan. Pelbagai kes salah laku murid seperti gengsterisme, buli, dan vandalisme telah (5) \_\_\_\_\_ imej sekolah dan sistem pendidikan negara. Hal ini perlu (6) \_\_\_\_\_ perhatian yang serius oleh pelbagai pihak.

Dalam usaha untuk meningkatkan modal insan berkualiti, negara kita (7) \_\_\_\_\_ barisan belia termasuk remaja dan murid yang mempunyai nilai integriti yang tinggi. Kejayaan misi nasional negara ini banyak (8) \_\_\_\_\_ pada komitmen dan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya modal insan yang berkualiti dalam kalangan murid sekolah.

Pembudayaan integriti perlu (9) \_\_\_\_\_ dan diperluas secara berterusan dalam kalangan generasi muda terutamanya dalam kalangan murid sekolah. Pembudayaan integriti seharusnya bermula pada peringkat yang lebih rendah sekiranya negara kita berminat untuk (10) \_\_\_\_\_ semangat dan nilai integriti dalam jiwa murid. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah ketika rebunginya. Sekiranya murid tersebut mempunyai integriti yang tinggi, hal yang demikian ini dapat (11) \_\_\_\_\_ kesedarannya terhadap amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.

Sememangnya setiap ibu bapa mahu (12) \_\_\_\_\_ anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Melalui pembudayaan integriti, murid akan lebih (13) \_\_\_\_\_ dan amanah ketika melaksanakan impian ibu bapa mereka. Murid merupakan tulang negara yang akan menjadi pemimpin pada suatu hari nanti juga. Melalui pembudayaan integriti, murid yang (14) \_\_\_\_\_ akan menjadi pemimpin yang amanah, jujur, dan bebas daripada isu rasuah.



### Kunci Kata

- subbudaya – amalan sekumpulan orang yang berbeza daripada amalan atau cara hidup masyarakat keseluruhannya
- formal – rasmi
- modal insan – sumber intelek yang ada pada diri setiap manusia
- tunggal – penunjang, pendukung